

24/11/1998

Dr Kenichi masih penasihat MSC

CYBERJAYA, Isnin - Tokoh strategi pengurusan Jepun, Dr Kenichi Ohmae, masih menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), manakala pemikir Alvin Toffler belum menyatakan hasrat untuk menarik diri secara rasmi.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata Ohmae sudah menjelaskan bahawa laporan media asing mengatakan beliau menarik diri adalah tidak benar.

"Toffler pula secara rasmi tidak memaklumkan kepada kita beliau mahu keluar daripada IAP sehingga sekarang," katanya pada sidang akhbar mengenai penyenaraian sebuah syarikat bertaraf MSC, di sini hari ini.

Menjawab soalan, Othman berkata Toffler memang mempunyai perselisihan pendapat dengan Pengerusi IAP, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Anees.

"Bagaimanapun, politik tidak harus menghalang sumbangan pemikiran tokoh intelek ke arah pembangunan teknologi maklumat serta projek seperti MSC," katanya.

(END)